10.0 Pendaftaran / Rekod Pekerja:

10.1 Kontraktor dikehendaki menyediakan rekod pendaftaran kerja. Pegawai Penguasa berhak memeriksa bila-bila masa rekod-rekod berkenaan. Pendaftaran pekerja hendaklah disediakan sebelum kerja-kerja dimulakan dan dikemaskini dari masa ke semasa.

11.0 Kemajuan Kerja Dan Penamatan Kontrak:

11.1 Datuk Bandar berhak untuk menamatkan Kontrak selepas 7 hari notis bertulis Kontrak kepada Kontraktor dan akan menjalankan kerja-kerja seterusnya di bawah kontrak yang baru atau dengan cara apapun tanpa apa-apa bayaran gantirugi (compensation) sekiranya kemajuan kerja difikirkan tidak memuaskan oleh Jabatan Pembangunan Komuniti dan Kesejahteraan Bandar.

11.2 Kontraktor dikehendaki menyediakan diari kerja harian yang mengandungi bilangan pekerja dengan jawatannya, kawasan dan jenis kerja yang dibuat. Bilangan tong cat yang telah digunakan hendaklah ditandatangani oleh Pegawai Penguasa pada tiap-tiap hari.

12.0 Tempoh Tanggungan Kecacatan:

12.1 Kontraktor dikenakan tempoh tanggungan kecacatan ke atas kerja-kerja dan bahan-bahan daripada kecacatan selama 1 tahun dari tarikh sijil siap kerja dikeluarkan.

13.0 Masa Dalam Tanggungan Kecacatan:

13.1 Di dalam masa tempoh tanggungan kecacatan apa-apa kerosakan dari segi kerja atau bahan-bahan yang dibekalkan mestilah dibaiki dalam tempoh 14 hari dari notis pertama. Selepas tempoh tersebut, Datuk Bandar atau wakilnya berhak untuk memanggil kontraktor yang lain dan segala perbelanjaan membaiki atau mengganti segala kecacatan akan dikenakan kepada Kontraktor yang asal.

14.0 Pencemaran Sekeliling Dan Kesihatan Awam:

14.1 Pihak kontraktor tidak dibenarkan menggunakan bahan-bahan yang mengandungi racun atau yang boleh membuat pencemaran sekeliling dan kesihatan awam. Jabatan Pembangunan Komuniti dan Kesejahteraan Bandar berhak mengambil contoh-contoh bahan-bahan yang digunakan untuk menjalankan kerja-kerja.

15.0 Pekerja-Pekerja:

15.1 Pekerja yang menjalankan kerja-kerja mengikut kontrak ini mestilah bekerja sepenuh masa dan hendaklah berdaftar mengikut peraturan CIDB/NOSH.

16.0 Mengurangkan Kesukaran Kepada Orang Awam:

16.1 Kontraktor mestilah menjalankan kerja-kerja dengan mengurangkan kesukaran, tidak menimbulkan apa-apa halangan kepada orang-orang awam dan penghuni-penghuni rumah pangsa dan mestilah mengikut segala arahan-arahan yang diberikan oleh Pegawai Penguasa. Kontraktor mestilah mempamerkan tanda-tanda amaran di dalam empat bahasa dan mengambil langkah-langkah keselamatan sebagaimana diperlukan oleh pihak-pihak yang berkuasa.

17.0 Notis Keselamatan:

17.1 Kontraktor dikehendaki menyediakan notis-notis yang secukupnya untuk memberitahu orang ramai tentang keselamatan mereka.

18.0 Kawalan Keselamatan Kepada Orang Awam:

18.1 Jika mana-mana terdapat tapak kerja mengganggu kawasan-kawasan awam atau tempat berjalan kaki, kontraktor mestilah menyediakan penutup keselamatan yang mencukupi serta lorong-lorong yang berpagar bagi mengasingkan tempat-tempat yang merbahaya untuk dilalui.

19.0 Mengganti Dan Membaiki Kepada Kerosakan Struktur Lantai Dan Dinding Bangunan:

19.1 Kontraktor mestilah menjalankan kerja-kerja tanpa merosakkan apa-apa bahagian struktur dan bangunan serta harta-benda. Sekiranya terdapat kerosakan, kontraktor mestilah mengganti dan memperbaiki dengan pembiayaannya sendiri.

20.0 Setor Tempat Menyimpan Barang-Barang:

20.1 Kontraktor hendaklah membina sendiri setor bagi menyimpan barang-barang kerja dan cat. Tapak pembinaan hendaklah terlebih dahulu diluluskan sebelum setor tersebut dibina.

20.2 Setor yang dibina hendaklah digunakan hanya untuk menyimpan barang kegunaan kontraktor ini sahaja. Tiada aktiviti lain dibenarkan dijalankan. Ianya hendaklah dirobuhkan apabila kerja-kerja telah siap sempurna dan diarahkan.

20.3 Segala barang-barang di dalam setor adalah menjadi tanggungjawab kontraktor. Datuk Bandar tidak bertanggungjawab ke atas kehilangan dengan apa jua cara barang-barang yang tersimpan di dalam setor berkenaan.

21.0 Penyudahan:

- 21.1 Semua kerosakan atau gangguan yang telah dilakukan oleh kontraktor semasa menjalankan kerja mestilah diperbaiki atau diganti supaya ianya menyerupai asal.
- 21.2 Semua kekotoran yang dilakukan oleh kontraktor mestilah dibersihkan. Semua sampah-sampah dan perkakas, bahan-bahan dan alat-alat yang digunakan oleh kontraktor bagi menjalankan kerja mestilah dikeluarkan dari tapak kerja dan keseluruhan tapak mestilah di dalam keadaan bersih dan teratur seperti arahan Pegawai Penguasa.

**DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR
JABATAN PEMBANGUNAN KOMUNITI DAN KESEJAHTERAAN BANDAR**

**CADANGAN KERJA-KERJA MENGECAT, MENYELENGGARA DAN LAIN-LAIN
KERJA BERKAITAN DI PPR KG MUHIBBAH (BLOK C DAN BLOK D),
KUALA LUMPUR**

SPESIFIKASI TEKNIKAL

Kerja-kerja yang akan dilaksanakan adalah yang telah dikenalpasti serta disahkan oleh Pegawai Penguasa. Kerja-kerja tersebut mestilah dijalankan selaras dengan penentuan dan spesifikasi yang ditetapkan. Kerja-kerja terlibat yang akan dijalankan di bawah kontrak ini secara ringkas adalah seperti berikut:-

A. KERJA MENGECAT

(1) Cat

Semua jenis cat dan bahan yang digunakan, termasuk Wall Sealer, Cat Weatherbond (berasaskan akrilik), Red Oxide Primer/Primer Antikarat serta Cat Gloss sebagai kemas akhir, hendaklah mendapat kelulusan daripada pembuat atau pengilang. Semua bahan tersebut juga mesti dihantar ke tapak kerja dalam tin asal pengilang dan dalam keadaan belum dibuka.

Semasa kerja-kerja dijalankan, Pegawai Penguasa serta agen pembuat yang berkaitan berhak mengambil sampel cat yang digunakan di tapak kerja bagi tujuan ujian dan pengesahan.

Sekiranya terdapat kerja-kerja yang menggunakan cat atau bahan yang tidak mematuhi penentuan atau spesifikasi, cat atau bahan tersebut hendaklah dikeluarkan dari tapak kerja dan kerja-kerja ulangan hendaklah dilaksanakan semula mengikut arahan Pegawai Penguasa, dengan segala kos ditanggung sepenuhnya oleh kontraktor.

Semua kerja hendaklah mematuhi keperluan pemantauan yang ditetapkan, dan penggunaan cat asas (primer), cat lapisan bawah (undercoat) serta cat penyudah (finishing coat) mestilah daripada pembuat yang sama.

(2) Kawasan Cat

Semua permukaan dinding dan siling di luar unit, termasuk sebarang tampalan atau pembaikan yang perlu dilakukan sebelum kerja mengecat dimulakan. Semua permukaan dinding dan siling hendaklah disediakan, diratakan dan dibersihkan daripada habuk dan kekotoran sebelum aplikasi cat.

Semua kerja kayu, termasuk pintu, tingkap serta jenang, hendaklah disapu dengan cat asas dan dilapisi sehingga mencapai kemas yang seragam.

Semua permukaan besi, sama ada di bahagian luar atau dalam, yang perlu dirawat dengan primer antirarat sebelum aplikasi cat seterusnya.

Semua kerja mengecat hendaklah dilakukan mengikut spesifikasi teknikal, memastikan ketebalan lapisan cat yang mencukupi, kemas yang sekata, serta mematuhi arahan Pegawai Penguasa sepanjang pelaksanaan kerja.

(3) Mencuci Permukaan

Kesemua permukaan siling dan dinding mestilah elok serta semua retak-retak diperbaiki atau ditampal lepa termasuk lubang-lubang paku.

Semua permukaan mestilah bersih dan kering, bebas daripada habuk, kapur, minyak atau gris sebelum melakukan kerja mengecat.

(4) Contoh-Contoh

Contoh warna dan jenis cat untuk warna cat lapisan penyudah mestilah dihantar kepada Pegawai Penguasa untuk kelulusan.

(5) Mengecat

Cat mestilah disapu dengan menggunakan berus yang diluluskan dan dalam keadaan campuran yang baik semasa disapukan. Kerja-kerja mengecat mestilah dijalankan seperti arahan dan setiap lapisan mestilah benar-benar kering sebelum lapisan seterusnya disapukan.

(6) Menggunakan Kanvas

Sebelum menjalankan kerja-kerja mengecat dinding atau tiang, kontraktor mestilah menggunakan kanvas atau guni atau kepingan PVC diletakkan di kawasan kakilima bagi mengelakkan percikan atau tumpahan cat di situ. Kegagalan pihak kontraktor memenuhi syarat ini menyebabkan ianya boleh didenda.

(7) Mengecat Permukaan Dalam

Mengecat keseluruhan dinding permukaan dalam serta siling termasuk semua permukaan yang terlindung dengan menggunakan dua cat lapisan cat emulsion yang diluluskan setaraf dengan menggunakan warna yang diarahkan oleh Pegawai Penguasa.

(8) Menyediakan Permukaan

Semua permukaan kayu dan lepaan mestilah dikikir dengan menggunakan kertas pasir sehingga permukaan menjadi licin. Segala keretakan atau lubang-lubang yang lama mestilah diisikan dengan 'putty' atau segala kerosakan mestilah diperbaiki. Bagi besi/logam mestilah dikikis dengan berus dawai sehingga tiada karat.

(9) **Mengecat Kayu / Besi**

Bagi kerja-kerja mengecat kayu dan besi-besi, 1 lapisan cat asas dan satu lapisan cat alas (undercoat) dari keluaran yang sama atau setaraf mestilah disediakan. Kemudian semua permukaan ini mestilah dicat dengan 2 lapisan cat gloss penyudah seperti di jadual di bawah atau setaraf sepertimana yang diarahkan oleh Pegawai Penguasa. Kerja-kerja hanya boleh dijalankan setelah mendapat arahan daripada Pegawai Penguasa.

(10) **Membersih Kawasan Kerja**

Semua kekotoran, bekas-bekas kerja konkrit, bekas cat dan lebihan bahan binaan mestilah dicuci selepas tamat kerja. Semua tin-tin cat kosong, sampah tinggalan hendaklah dibuang dari tapak kerja setelah kerja-kerja tamat.

(11) **Senarai Cadangan Produk Cat**

Semua petender perlu mengisi butiran produk seperti jenama, jenis serta Pembuat / Pengilang cat seperti di senarai **JADUAL DATA TEKNIKAL / BORANG CADANGAN PETENDER**.

PERINGATAN:

Semua produk yang digunakan perlu mendapatkan surat jaminan produk (warranty & guarantee) daripada pengilang atau pembekal sekurang-sekurangnya **SEPULUH (10) TAHUN** daripada tarikh siap kerja di tapak dan perlu melengkapkan Jadual 1 di bawah.

JADUAL 1 - JAMINAN PRODUK UNTUK KERJA-KERJA MENGECAT

Kontrak ini menetapkan bahawa jaminan produk merupakan salah satu prasyarat utama bagi pemilihan petender yang layak. Oleh itu, petender hendaklah menyediakan jaminan bagi memastikan mutu kerja serta kualiti produk yang ditawarkan mematuhi spesifikasi yang telah ditetapkan.

Pegawai Penguasa menetapkan bahawa jaminan produk hendaklah dimasukkan sebagai salah satu keperluan tender. Sehubungan itu, petender diwajibkan mendapatkan persetujuan awal daripada pengilang atau pembekal bagi memastikan produk yang dicadangkan disertakan dengan tempoh jaminan minimum **SEPULUH (10) TAHUN** dari tarikh kerja siap di tapak.

JAMINAN PRODUK

Nama : _____

Alamat : _____

Produk : _____

Tempoh Jaminan : _____

Terma dan Syarat : _____

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

**CADANGAN KERJA-KERJA MENGECAT, MENYELENGGARA DAN
LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN DI PPR KG MUHIBBAH
(BLOK C DAN BLOK D), KUALA LUMPUR**

**BAHAGIAN 10. JADUAL DATA TEKNIKAL / BORANG
CADANGAN PETENDER**

**CADANGAN KERJA-KERJA MENGECAT, MENYELENGGARA DAN LAIN-LAIN
KERJA BERKAITAN DI PPR KG MUHI BBAH
(BLOK C DAN BLOK D), KUALA LUMPUR**

DATA TEKNIKAL

| BIL | PERKARA / SPESIFIKASI | UNIT | CADANGAN PETENDER |
|-----|------------------------------------|------|-------------------|
| 1 | Cat Undercoat | | |
| 2 | Cat Emulsion Pearl Glo | | |
| 3 | Cat Kilat (Gloss) | | |
| 4 | Cat Weathershield | | |
| 5 | Cat Timbertone | | |
| 6 | Cat Primer red Oxide @ Chromate | | |
| 7 | | | |
| 8 | | | |
| 9 | | | |
| 10 | | | |
| 11 | | | |
| 12 | | | |
| 13 | | | |

Nota:

Saya yang bertandatangan di bawah memperakui cadangan yang ditawarkan di atas dan telah diberikuasa dengan sepenuhnya untuk menandatangani Tawaran ini bagi pihak petender.

.....
Tandatangan Petender

Nama :

Jawatan :

No. K/P:

Tarikh:

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

CADANGAN KERJA-KERJA MENGECAT, MENYELENGGARA DAN LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN DI PPR KG MUHIBBAH (BLOK C DAN BLOK D), KUALA LUMPUR

BAHAGIAN 11. LAMPIRAN

- Lampiran A* -Borang Jaminan Bank/Insurans Untuk Bon Pelaksanaan (Kerja)
- Lampiran B.* -Borang Jaminan Bank/ Jaminan Syarikat Kewangan/ Jaminan Insurans Untuk Bayaran Pendahuluan (Kerja)
- Lampiran C.* -Borang Maklumat Petender (BRG/JP/BPP(Pind.2/2025))
- Lampiran D* -Senarai dan Tugas Panel Syarikat Insurans/Broker Insurans/Broker Takaful DBKL

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

**CADANGAN KERJA-KERJA MENGECAT, MENYELENGGARA DAN
LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN DI PPR KG MUHIBBAH
(BLOK C DAN BLOK D), KUALA LUMPUR**

BAHAGIAN 11. LAMPIRAN A

**BORANG JAMINAN BANK/INSURANS
UNTUK BON PELAKSANAAN (KERJA)**

LAMPIRAN A1

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

**BORANG JAMINAN BANK/JAMINAN INSURANS UNTUK BON PELAKSANAAN
(KONTRAK KERJA YANG BERNILAI SEHINGGA RM10 JUTA)**

Perjanjian ini dibuat pada _____ haribulan _____ 20_____

Di antara _____ yang beralamat

(tuliskan nama Bank/Syarikat Insurans) _____

(tuliskan alamat urusan perniagaan utama Bank/Syarikat Insurans tertentu kemudian daripada

ini disebut sebagai "Penjamin") sebagai satu pihak dengan **DATUK BANDAR KUALA LUMPUR**

(Kemudian daripada ini disebut sebagai DATUK BANDAR) sebagai satu pihak yang satu lagi.

BAHAWASANYA

1. Sebagai balasan **DATUK BANDAR** membenarkan _____

(kemudian daripada ini disebutkan sebagai "Kontraktor") untuk _____

(namakan projek) untuk harga kontrak sejumlah Ringgit Malaysia : _____

_____ (RM _____), KAMI yang

bertandatangan di bawah ini atas permintaan Kontraktor mengakujaji (iaitu yang tidak boleh dibatalkan) satu jaminan kepada Datuk Bandar Bahawa;

Penjamin telah bersetuju untuk menjamin pelaksanaan yang sepatutnya ke atas kontrak tersebut mengikut cara sepertimana yang terdapat kemudian daripada ini.

LAMPIRAN A1

MAKA Penjamin dengan ini bersetuju dengan **DATUK BANDAR** seperti berikut:

1. Apabila sahaja **DATUK BANDAR** membuat tuntutan bertulis, maka Penjamin hendaklah dengan serta merta membayar kepada **DATUK BANDAR** nilai yang ditentukan di dalam tuntutan tersebut tanpa mengira samada terdapat apa-apa bantahan atau tentangan daripada Kontraktor atau Penjamin atau mana-mana pihak ketiga yang lain dan tanpa bukti atau bersyarat. Dengan syarat sentiasa bahawa jumlah tuntutan yang dibuat tidak melebihi sebanyak Ringgit Malaysia: _____

(nyatakan nilai jaminan dalam perkataan) (RM _____) dan bahawa tanggungan Penjamin untuk membayar kepada **DATUK BANDAR** di bawah Perjanjian ini tidak melebihi nilai tersebut di atas.

2. **DATUK BANDAR** berhak untuk membuat ap-apa tuntutan separa jika dikehendaknya dan jumlah kesemua tuntutan separa itu hendaklah tidak melebihi nilai Ringgit Malaysia: _____ (nyatakan nilai jaminan dalam perkataan) (RM _____) dan liability Penjamin untuk membayar kepada **DATUK BANDAR** jumlah yang disebutkan terdahulu hendaklah dikurangkan dengan perkadaran yang bersamaan dengan apa-apa bayaran separa yang telah dibuat oleh Penjamin.

3. Penjamin tidak boleh dilepaskan dari Jaminan ini oleh sebarang perkiraan di antara Kontraktor dan **DATUK BANDAR** samada dengan atau tanpa kebenaran Penjamin atau oleh sebarang perubahan tentang kewajipan yang diakujanji oleh Kontraktor atau oleh sebarang penanggungan samada dari segi pelaksanaan, masa, pembayaran atau sebaliknya.

LAMPIRAN A1

4. Jaminan ini adalah jaminan yang berterusan dan tidak boleh dibatalkan dan berkuatkuasa sehingga _____ (Kemudian daripada ini disebut sebagai "Initial Expiry Date" iaitu dua belas (12) bulan samada selepas tarikh tamat tempoh kecacatan **ATAU** dalam keadaan dimana kontrak dibatalkan, satu (1) tahun selepas tarikh kontrak dibatalkan. Penjamin hendaklah melanjutkan Tarikh Mati Asal ("Initial Expiry Date") jaminan ini untuk tempoh tambahan selama tidak melebihi satu (1) tahun daripada Tarikh Mati Asal (kemudian daripada ini disebut Tarikh Mati Lanjutan ("Extended Expiry Date") apabila diminta oleh **DATUK BANDAR** dan jaminan ini adalah dengan ini dilanjutkan. Jumlah agregat maksimum yang **DATUK BANDAR** berhak dibawah Perjanjian ini mestilah sentiasa dipastikan tidak melebihi jumlah Ringgit Malaysia:

_____ (nyatakan nilai jaminan dalam perkataan)(RM_____)

5. Apa-apa tanggungjawab dan tanggungan Penjamin dibawah Perjanjian ini hendaklah luput apabila Perjanjian ini tamat pada "Initial Expiry Date" atau "Extended Expiry Date" melainkan jika sebelumnya **DATUK BANDAR** telah meminta secara bertulis kepada Penjamin untuk membayar sejumlah wang tertentu yang masih belum dijelaskan mengikut peruntukan kontrak.

6. **SEMUA TUNTUTAN BERKAITAN DENGAN JAMINAN INI , JIKA ADA MESTILAH DITERIMA OLEH PIHAK BANK / SYARIKAT INSURANS DALAM TEMPOH SAH LAKU JAMINAN INI ATAUPUN DALAM MASA EMPAT MINGGU DARI PADA TAMATNYA TARIKH JAMINAN INI , MENGIKUT MANA YANG LEBIH KEMUDI AN.**

LAMPIRAN A1

PADA MENYAKSIKAN HAL DI ATAS pihak-pihak kepada Perjanjian ini telah menurunkan tandatangan dan meteri mereka pada hari dan tahun yang mula-mula tertulis di atas.

Ditandatangani untuk dan bagi pihak Perjanjian di hadapan

}
Nama:.....
Jawatan:.....
Cop Bank / Syarikat Insurans:

.....
(Saksi)

Nama:.....
Jawatan:.....
Cop Bank/Syarikat:

Ditandatangani untuk dan bagi pihak Penjamin di hadapan

}
Nama:.....
Jawatan:.....

.....
(saksi)

Nama :
Jawatan :.....
Cop Jabatan



DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

**CADANGAN KERJA-KERJA MENGECAT, MENYELENGGARA DAN
LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN DI PPR KG MUHIBBAH
(BLOK C DAN BLOK D), KUALA LUMPUR**

BAHAGIAN 11. LAMPIRAN B

**BORANG JAMINAN BANK/SYARIKAT
KEWANGAN/INSURANS UNTUK
BAYARAN PENDAHULUAN (KERJA)**

**BO RANG JAMINAN BANK/ JAMINAN SYARIKAT KEWANG AN/
JAMINAN INSURANS UNTUK BAYARAN PENDAHULUAN
(KONTRAKTOR BEKALAN/ PERKHIDMATAN/ KERJA)**

Sebagai balasan Datuk Bandar Kuala Lumpur (kemudian daripada ini disebut sebagai "Datuk Bandar") bersetuju membuat bayaran pendahuluan selaras dengan terma dan syarat-syarat Kontrak yang dibuat selaras dengan iklan tender/pelawaan oleh Datuk Bandar bertarikh dan tawaran oleh (kemudian daripada ini disebut sebagai "Kontraktor") bertarikh dan persetujuan daripada itu melalui Surat Setuju Terima oleh Datuk Bandar bil. bertarikh dan tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat baru (jika ada), dibuat oleh Datuk Bandar dan diterima oleh Kontraktor pada dengan syarat jika kontrak rasmi disediakan berikutnya, selaras dengan terma-terma dan syarat kontrak rasmi tersebut, untuk (sebutkan nama perolehan) (kemudian daripada ini disebut "Bekalan"/"Perkhidmatan"/"Kerja") kami, yang bertandatangan di bawah ini, atas permintaan Kontraktor, mengaku janji (ia itu aku janji yang tak boleh batal) satu Jaminan kepada Datuk Bandar bahawa:

1. Kami hendaklah membayar kepada Datuk Bandar tanpa faedah, jumlah wang sebanyak Ringgit (RM) sebagai wang pendahuluan seperti yang tersebut di atas atau sebahagian daripada itu yang belum lagi didapatkan kembali oleh Datuk Bandar selaras dengan perenggan 3 atau 4 yang berkenaan dan jumlah harga itu hendaklah dibayar apabila sahaja Datuk Bandar membuat tuntutan tanpa mengira apa-apa tentangan atau bantahan daripada Kontraktor atau daripada kami atau daripada mana-mana pihak ketiga yang lain. Sekiranya dalam apa-apa keadaan kami melengah-lengahkan membuat pembayaran dan seumpamanya setelah menerima tuntutan daripada Datuk Bandar, maka pihak Datuk Bandar berhak menuntut dan berhak dibayar apa-apa kos tambahan sebagai ganti rugi akibat keengganan kami mematuhi syarat-syarat Jaminan ini.

2. Apa-apa konsepsi atau tolakan sur yang diberi oleh Datuk Bandar kepada Kontraktor atau apa-apa persetujuan antara Datuk Bandar dan Kontraktor atau apa-apa pengekangan/penahanan yang dibuat oleh Datuk Bandar kepada Kontraktor sama ada berkenaan dengan bayaran, tempoh, prestasi atau selainnya tidak akan melepaskan kami daripada jaminan ini tetapi kami adalah berhak untuk diberitahu akan persetujuan atau perubahan tersebut.

3. Tertakluk kepada perenggan 4, tanggungjawab kami untuk membayar jumlah yang tersebut sebanyak RM hendaklah secara automatik dikurangkan daripada amaun atau amaun-amaun pembayaran yang dibuat oleh kami kepada Datuk Bandar berhubung dengan Jaminan ini.

BORANG JAMINAN BANK/JAMINAN SYARIKAT KEWANGAN/JAMINAN INSURANS UNTUK BAYARAN PENDAHULUAN (KONTRAKTOR BEKALAN/ PERKHIDMATAN/ KERJA)

4. Jumlah wang tersebut yang dijamin oleh kami untuk dibayar kepada Datuk Bandar hendaklah dikurangkan secara automatik mengikut kadar potongan yang dibuat oleh Datuk Bandar daripada bayaran kemajuan yang layak dibayar kepada Kontraktor sebagai pembayaran balik wang pendahuluan yang telah dibuat. Jaminan ini terbatal dan hendaklah dikembalikan dengan serta-merta setelah kesemua wang pendahuluan dijelaskan melalui potongan daripada bayaran kemajuan yang layak dibayar kepada Kontraktor, atau selepas semua bekalan telah dihantar/perkhidmatan telah disiapkan/kerja telah dilaksanakan dengan memuaskan oleh Kontraktor kepada Datuk Bandar selaras dengan tema dan syarat-syarat kontrak mengikut mana yang terdahulu.

5. Jaminan ini adalah Jaminan yang berterusan dan tak boleh batal dan hendaklah berkuat kuasa sehingga (kemudian daripada ini disebut sebagai "Tarikh Mati Asal") iaitu meliputi tempoh kontrak. Penjamin hendaklah melanjutkan Tarikh Luput Asal Jaminan ini untuk tempoh tambahan selama tiga (3) bulan daripada Tarikh Mati Asal (kemudian daripada ini disebut sebagai "Tarikh Mati Lanjutan") apabila diminta oleh Datuk Bandar dan Jaminan ini adalah dengan ini dilanjutkan.

Diturunkan tandatangan kami pada hari ini untuk dan bagi pihak Penjamin diatas.

.....
Nama :
Jawatan :

Cop Bank/Syarikat Kewangan/Syarikat Insurans

Dihadapan:
Nama :
Jawatan :

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

CADANGAN KERJA-KERJA MENGECAT, MENYELENGGARA DAN
LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN DI PPR KG MUHIBBAH
(BLOK C DAN BLOK D), KUALA LUMPUR

BAHAGIAN 11. LAMPIRAN C

BORANG MAKLUMAT PETENDER
BRG/JP/BPP(Pind.2/2025)



**DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR
JABATAN PENTADBIRAN
BAHAGIAN PENGURUSAN PEROLEHAN**

BORANG MAKLUMAT PETENDER

PERINGATAN PENTING KEPADA PETENDER:

- ✓ **Borang Maklumat Petender** ini yang lengkap dipenuhi mestilah dikembalikan bersekali dengan tawaran tuan. Maklumat ini penting bagi menyokong pertimbangan tawaran tuan. Kegagalan mengembalikannya boleh mengakibatkan tawaran tuan **DITOLAK**.
- ✓ Penender **DIWAJIBKAN** mengisi **Semua maklumat di Borang-Borang** dan dikembalikan bersama dokumen Tender/Sebutharga.
- ✓ Sila sertakan Laporan Kewangan Beraudit Syarikat bagi tiga (3) tahun kewangan terakhir secara berturut-turut sebelum tahun tutup tender yang telah diaudit dan disahkan dengan salinan diakui sah (certified true copy) oleh Juruaudit Bertauliah. **(Petender Gred G7 adalah DIWAJIBKAN mengemuka Laporan Kewangan Syarikat/Salinan Akaun Akhir bagi Tiga (3) tahun berturut-turut) DAN/ATAU**
- ✓ Sila sertakan Salinan Penyata Bulanan Bank bagi tiga (3) bulan terakhir sebelum tarikh tutup Tender yang disahkan oleh pegawai yang diberi kuasa oleh bank berkenaan.
- ✓ Sila dapatkan dan sertakan **Laporan sulit daripada pihak Bank/Institusi Kewangan** atas format seperti **Borang CA**, dalam satu sampul berlakri.
- ✓ Sila sertakan maklumat kerja semasa seperti di dalam rekod **Centralised Information Management System (CIMS) CIDB**.

BORANG A - SURAT PENGAKUAN KEBENARAN MAKLUMAT DAN KESAHIHAN DOKUMEN YANG DIKEMUKAKAN OLEH PETENDER

Nama Petender :

Alamat Petender :
.....
.....

Kepada,

Pengarah
Jabatan Pentadbiran,
Bahagian Pengurusan Perolehan
Tingkat 32, Menara DBKL 3,
Bandar Wawasan, Jalan Raja Abdullah,
50300 Kuala Lumpur

Tuan,

Maklumat Latar Belakang, Kewangan Dan Teknikal Petender

1. Kami telah membaca dengan teliti semua arahan-arahan yang terkandung dalam Arahan dan Syarat-syarat Am Kepada Petender termasuk arahan yang menghendakkan kami mengemukakan maklumat-maklumat dan dokumen-dokumen mengenai perkara di atas bersama-sama dokumen tender kami semasa mengemukakan Tender ini untuk membolehkan Datuk Bandar Kuala Lumpur menilai keupayaan kami untuk melaksanakan kerja yang ditender semasa Penilaian Tender.
2. Kami faham dan mengambil maklum bahawa Penilaian Tender ini akan mengambil kira dan mementingkan keupayaan kami melaksanakan kerja yang ditender. Justeru itu Tender kami akan hanya dipertimbang untuk diperakukan oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur untuk disetujui terima sekiranya kami didapati berkeupayaan untuk melaksanakan projek yang ditender mengikut kaedah penilaian yang ditetapkan berdasarkan maklumat-maklumat dan dokumen-dokumen yang kami kemukakan.
3. Kami juga mengambil maklum bahawa kami dikehendaki mengemukakan semua maklumat dan dokumen-dokumen yang diminta bersama-sama Tender kami sebelum tender ditutup dan maklumat-maklumat atau dokumen-dokumen yang dikemukakan kemudian daripada itu tidak akan diterima untuk diambil kira dalam penilaian keupayaan kami.
4. Kami mengaku bahawa maklumat-maklumat dan data-data yang kami berikan bersama-sama ini di Borang B, C, CA, D, DA, E, F dan dokumen-dokumen yang kami sertakan bersamanya setahu kami adalah semuanya benar dan sah pada semua segi dan kami telah mengambil maklum dan sedar akan tindakan yang boleh diambil oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur terhadap kami dan/atau Tender kami, sekiranya mana-mana maklumat, data-data dan dokumen yang kami berikan itu didapati tidak benar atau palsu.

5. Kami juga mengambil maklum dan sedar bahawa Tender kami akan ditolak (disqualified) dan tidak akan dipertimbangkan sekiranya maklumat-maklumat yang kami berikan tidak mencukupi atau sekiranya kami gagal untuk memberikan bersama-sama ini mana-mana maklumat dan/atau menyertakan mana-mana dokumen penting yang sangat diperlukan untuk membolehkan Datuk Bandar Kuala Lumpur menilai keupayaan kami terutamanya dokumen-dokumen berhubung dengan kedudukan kewangan dan prestasi kerja semasa kami sebagaimana yang dinyatakan dalam Arahan dan Syarat-Syarat Am Kepada Petender seperti berikut:-
- (i) Salinan Penyata Bulanan Bank bagi tiga (3) bulan terakhir sebelum tarikh tutup Tender yang disahkan oleh pegawai yang diberi kuasa oleh bank berkenaan.
 - (ii) Laporan Kewangan Beraudit Syarikat bagi tiga (3) tahun kewangan terakhir secara berturut-turut sebelum tahun tutup tender yang telah diaudit dan disahkan dengan salinan diakui sah (certified true copy) oleh Juruaudit Bertauliah.
 - (iii) Kemudahan Kredit oleh Institusi Kewangan yang ditandatangani oleh pegawai yang diberi kuasa oleh bank/institusi kewangan berkenaan dalam satu sampul atau Deposit tetap (sekiranya ada) yang disahkan oleh pegawai yang diberi kuasa oleh bank berkenaan.
 - (iv) Senarai Kerja Semasa dan Laporan Pegawai Penguasa atau Jurutera Projek Mengenai Prestasi Kerja Semasa Petender, bagi setiap kerja, bekalan dan perkhidmatan.
6. Kami dengan ini memberi kuasa kepada mana-mana Pegawai Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Pegawai Penguasa atau Jurutera Projek, Juruaudit, Pegawai Bank/Institusi Kewangan dan mana-mana pihak yang berkenaan untuk memberikan maklumat-maklumat yang dianggap perlu dan diminta oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur untuk menyemak dan mengesahkan maklumat-maklumat yang kami berikan atau untuk mendapatkan maklumat tambahan. Walau bagaimanapun kami tetap bertanggungjawab di atas maklumat-maklumat dan dokumen-dokumen yang kami berikan bersama-sama ini.
7. Kami juga dengan ini mengakui dan mengesahkan bahawa pihak kami tidak ada membuat sebarang pakatan atau apa-apa bentuk amalan sepadu dengan mana-mana petender lain bagi mempengaruhi kemunasabahan harga tender dan apa-apa tindakan yang boleh menjejaskan atau yang mempunyai kesan menghalang, menyekat atau mengganggu persaingan yang sihat bagi membolehkan tender kami atau petender lain di pertimbangkan. Kami akur pihak Datuk Bandar Kuala Lumpur boleh menolak tawaran kami sekiranya pihak Datuk Bandar Kuala Lumpur mengesyaki sebarang pakatan harga dan pihak kami juga boleh diambil tindakan di bawah Akta Persaingan 2010 (Akta 712).
8. Kami maklum bahawa sekiranya pihak yang dihubungi tidak memberi pengesahan dalam tempoh yang ditetapkan akan menyebabkan tender kami tidak dipertimbangkan untuk disetujui terima.

9. Kami sedar dan akur bahawa jika melalui pengesahan dengan Juruaudit Bertauliah / Bank didapati terdapat unsur pemalsuan dokumen atau salah nyataan maklumat, Datuk Bandar Kuala Lumpur boleh mengambil tindakan seperti berikut:
- (a) Tidak akan mempertimbangkan tawaran kami (jika di peringkat pra-kontrak) atau menamatkan kontrak (jika di peringkat pasca-kontrak);
 - (b) Melapor kepada polis untuk diambil tindakan sekiranya didapati berlaku pemalsuan / salah nyataan dengan niat mempengaruhi keputusan Datuk Bandar Kuala Lumpur untuk mempertimbangkan tawaran Petender;
 - (c) Melapor kepada Pihak Berkuasa (MOF / CIDB / Lembaga Profesional) untuk diambil tindakan tatatertib; dan
 - (d) Datuk Bandar Kuala Lumpur/MOF menyenarai hitamkan syarikat kami daripada menyertai mana-mana tender Datuk Bandar Kuala Lumpur di masa akan datang.

Yang benar,

.....
(Tandatangan Petender) Tarikh:

Nama Penuh:

No. Kad Pengenalan:

Jawatan :

Yang diberi kuasa dengan sepenuhnya
untuk menandatangani Tender ini untuk
dan bagi pihak:

.....
Meteri atau Cop Petender

.....
(Tandatangan Saksi) Tarikh:

Nama Penuh :

No. Kad Pengenalan :

Jawatan :

Alamat :

.....

BORANG B – MAKLUMAT AM LATAR BELAKANG PETENDER

1. Nama :

2. Alamat :

.....
.....
.....

No. Telefon :

No. Faks :

3. Pendaftaran Cukai Barangan dan Perkhidmatan (CBP) dengan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (jika berdaftar dan sertakan salinan pendaftaran)

(i) No. Pendaftaran :

(ii) Tarikh Kuat kuasa :

4. Perniagaan Utama lain, jika ada

(a) sejak

(b) sejak

UNTUK KEGUNAAN TENDER DBKL SAHAJA

BORANG C – DATA KEWANGAN PETENDER (Diisi oleh Kontraktor)**A. Penyata Kewangan Syarikat**

| Bil. | Tahun | Nama dan Alamat Syarikat Juruaudit | Maklumat Juruaudit Untuk Dihubungi Bagi Tujuan Pengesahan | |
|------|-------|---------------------------------------|--|-----------------------------|
| | | | Nama | No. Tel Pejabat & E-mail |
| 1 | | | | |
| 2 | | | | |
| 3 | | | | |

Sertakan salinan Penyata Kewangan Syarikat yang diaudit dan disahkan dengan salinan diakui sah (*certified true copy*) oleh Juruaudit Bertauliah bagi tiga (3) tahun kewangan terakhir secara berturut-turut sebelum tahun tutup tender atau sekiranya tiada, bagi tiga (3) tahun kewangan terakhir secara berturut-turut setahun sebelum tahun tutup tender. **Salinan Penyata Kewangan Syarikat yang tidak diakui sah (*certified true copy*) oleh Juruaudit Bertauliah tidak akan diambilkira.**

B. Penyata Bulanan Akaun Bank

| Bil. | Nama dan Alamat Bank (Di mana akaun dibuka) | Nombor Akaun | Maklumat Pegawai Bank Untuk Dihubungi Bagi Tujuan Pengesahan | |
|--------|--|--------------|---|--------------------------|
| | | | Nama | No. Tel Pejabat & E-mail |
| Bank 1 | | | | |
| Bank 2 | | | | |
| Bank 3 | | | | |

Sertakan salinan Penyata Bulanan Akaun Bank bagi tiga (3) bulan terakhir sebelum bulan tutup tender yang diakui sah (*certified true copy*) oleh pegawai yang diberi kuasa oleh bank berkenaan. **Salinan Penyata Bulanan Akaun Bank yang tidak diakui sah (*certified true copy*) oleh pegawai yang diberi kuasa oleh bank berkenaan tidak akan diambilkira.**

BORANG C – DATA KEWANGAN PETENDER (Diisi oleh Kontraktor) (Samb.)**C. Penyata Deposit Tetap (jika berkenaan)**

| Bil. | Nama dan Alamat Bank (Di mana akaun dibuka) | Nombor Akaun | Maklumat Pegawai Bank Untuk Dihubungi Bagi Tujuan Pengesahan | |
|--------|--|--------------|---|-----------------------------|
| | | | Nama | No. Tel Pejabat & E- mel |
| Bank 1 | | | | |
| Bank 2 | | | | |
| Bank 3 | | | | |

Sertakan salinan Penyata Deposit Tetap yang diakui sah (*certified true copy*) oleh pegawai yang diberi kuasa oleh bank berkenaan. **Salinan Penyata Deposit Tetap yang tidak diakui sah (*certified true copy*) oleh pegawai yang diberi kuasa oleh bank berkenaan tidak akan diambilkira.**

NOTA UMUM

Sekiranya terdapat lebih daripada tiga (3) bank/institusi kewangan, sertakan maklumat tersebut dalam lampiran tambahan.

SULIT

BORANG CA – LAPORAN BANK/INSTITUSI KEWANGAN MENGENAI KEDUDUKAN KREDIT PETENDER

(Borang ini hendaklah dilengkapkan oleh pihak Bank atau Institusi Kewangan dan dikembalikan kepada Bahagian yang mengurus tender. Sekiranya laporan disediakan dalam bentuk lain, kandungan laporan tersebut wajib menepati maklumat yang dikehendaki seperti dalam Borang CA. Sekiranya tidak, laporan tersebut akan ditolak.

Kepada :

()

Nama Petender :

Projek:

.....

Kemudahan Kredit sedia ada yang boleh digunakan untuk pelaksanaan projek.
(sekiranya petender mempunyai Kemudahan Kredit dengan Bank/Institusi Kewangan)

| Bentuk Kemudahan Kredit | Nama Produk Kewangan (sekiranya ada) | Baki Yang Boleh Digunakan |
|-------------------------|---|---------------------------|
| (i) Overdraf | | RM |
| (ii) Overdraf Bercagar | | RM |
| (iii) Talian Kredit | | RM |
| | Jumlah | RM |

.....
(Tandatangan Untuk Dan Bagi Pihak Bank/Institusi Kewangan)

Nama Pegawai:

Jawatan:

No. Tel Pejabat:

Alamat Emel:

Tarikh:

Cap Bank /
Institusi Kewangan:

BORANG D - SENARAI KERJA/KONTRAK SEMASA PETENDER

(Sila sertakan maklumat kerja di dalam tangan/sedang berjalan dan belum siap termasuk kontrak yang baru diwujudkan seperti di dalam **rekod Centralised Information Management System (CIMS) CIDB**)

Kegagalan petender mengisi maklumat seperti di dalam (CIMS) CIDB boleh menyebabkan tawaran petender **DITOLAK**.

| Bil | Nama Kontrak/Projek+ | Nilai Kontrak (RM) | Nilai Petender* Bertanggung jawab | Tempoh Kontrak ** | Tarikh Milik Tapak | Tarikh Siap Kontrak | Kemajuan Kerja+ | | Nama dan No. Telefon Pegawai Penguasa/ Jurutera Projek | Nama dan Alamat Majikan |
|-----|----------------------|--------------------|-----------------------------------|-------------------|--------------------|---------------------|-----------------|---------------------|--|-------------------------|
| | | | | | | | Ikut Jadual (%) | Sebenar Dicapai (%) | | |
| | | | | | | | | | | |

- + Salinan Surat Setuju Terima dan Perakuan Bayaran Interim terkini bagi setiap bagi setiap kerja yang disenaraikan hendaklah disertakan.
- * Hanya perlu diisi sekiranya petender melaksanakan kerja sebagai ahli syarikat gabungan
- ** Tempoh Kontrak hendaklah termasuk lanjutan masa yang diluluskan.

BORANG DA – LAPORAN PRESTASI KERJA SEMASA PETENDER

- a) Borang ini hendaklah dilengkapi oleh Pegawai Penguasa/Wakil Pegawai Penguasa/ Pegawai Profesional yang menyelia projek dan diserahkan kepada kontraktor untuk disertakan bersama-sama tendernya.
- b) Kegagalan mengisi borang ini dengan lengkap akan menyebabkan tender ini ditolak.

Kepada : Pengarah
 Jabatan Pentadbiran,
 Bahagian Pengurusan Perolehan
 Tingkat 32, Menara DBKL 3,
 Bandar Wawasan, Jalan Raja Abdullah,
 50300 Kuala Lumpur

Nama Kontraktor :

Nama Projek Yang Dilaksanakan :

No. Kontrak :

Harga Kontrak (termasuk anggaran nilai kerja perubahan) : RM

Wang Kos Prima dan Peruntukan Sementara : RM

Nilai Kerja Pembina : RM

Tarikh Milik Tapak : Tempohminggu

Tarikh Penyiapan Asal :

Lanjutan Masa Yang Telah Diluluskan : hari

Lanjutan Masa Seterusnya yang difikirkan/dijangka layak diperakukan : hari

Atas sebab-sebab: (i)

(ii)

Kemajuan Kerja (berdasarkan nilai kerja yang telah dilaksanakan)

| | |
|--|-------------------------|
| Pencapaian sebenar..... % | Mengikut Jadual..... % |
| Jumlah kelewatan (jika berkenaan) Tarikh Kerja dijangka akan dapat disiapkan | : hari : |
| Nilai Bahagian Kerja Yang Telah Siap | : RM |
| Nilai Bahagian Kerja Yang Belum Siap | : RM |
| Adakah Kontraktor dalam proses penamatan di mana Notis untuk Tujuan Penamatan telah dikeluarkan kepada Kontraktor? | : |

Ulasan mengenai prestasi kontraktor:

(Nyatakan apa-apa kepujian dan/atau kelemahan kontraktor dan juga apa-apa tindakan/perakuan yang diambil/dipertimbang berhubung dengan prestasi kontraktor melaksanakan kontrak)

Tandatangan Penyelia Projek:

Nama :

Jawatan :

Tarikh:

BORANG E – REKOD PENGALAMAN KERJA PETENDER

(Senarai kerja dalam tempoh 5 tahun lepas)

| Bil. | Nama | Nilai Kontrak (RM) | Nilai Petender* Bertanggungjawab | Tempoh Kontrak ** | Tarikh Milik Tapak | Tarikh Siap | | Nama dan No. Telefon Pegawai Penguasa/ Jurutera Projek | Nama Alamat Majikan |
|------|------|--------------------|----------------------------------|-------------------|--------------------|-------------|---------|--|---------------------|
| | | | | | | Kontrak | Sebenar | | |
| | | | | | | | | | |

+ Salinan Surat Setuju Terima dan Salinan Perakuan Siap Kerja /Perakuan Muktamad bagi setiap kerja yang disenaraikan hendaklah disertakan.

* Hanya perlu diisi sekiranya petender melaksanakan kerja sebagai ahli syarikat gabungan.

** Tempoh kontrak hendaklah termasuk lanjutan masa yang diluluskan.

BORANG F – KAKITANGAN TEKNIKAL

(Butir-butir Kakitangan Teknikal yang ada dalam penggajian Petender masa kini)

| Bil. | * Nama dan No. K/P | Umur | Kelulusan Professional / Pendidikan ** | Tahun Kelulusan | Tarikh Diambil Bekerja | Jawatan yang Disandang / tugas-tugas Semasa | Pengalaman Lepas (Jawatan Disandang, Nama Projek dan Majikan dan Tempoh Bekerja dan Sebagainya) |
|------|--------------------|------|--|-----------------|------------------------|---|---|
| | | | | | | | |

* Salinan Penyata Caruman KWSP bagi bulan caruman terkini yang mengandungi nama setiap kakitangan teknikal atau salinan perjanjian perkhidmatan professional yang diambil berkhidmat secara Kontrak.

** Sila sertakan salinan sijil kelulusan atau sijil keahlian Badan-badan Professional.

16. PERAKUAN:

- i) Saya/Kami yang bertandatangan mengisytiharkan segala maklumat yang diberikan dalam borang ini adalah benar.
- ii) Saya/Kami bersetuju tawaran yang kami/saya kemukakan akan ditolak jika maklumat tersebut didapati tidak benar.

PETENDER
(Pegawai yang diberikuasa)

SAKSI

Tandatangan:

Nama:

Atas sifat:

Nama, Alamat, Telefon dan Cop
Syarikat:
.....
.....
.....

Tarikh:

Tandatangan:

Nama:

Pekerjaan:

Tarikh:



DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

**CADANGAN KERJA-KERJA MENGECAT, MENYELENGGARA DAN
LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN DI PPR KG MUHIBBAH
(BLOK C DAN BLOK D), KUALA LUMPUR**

BAHAGIAN 11. LAMPIRAN D

**SENARAI DAN TUGAS PANEL
SYARIKAT INSURANS/BROKER
INSURANS/BROKER TAKAFUL DBKL**

**SENARAI PANEL SYARIKAT INSURANS / BROKER INSURANS/ BROKER TAKAFUL DEWAN
BANDARAYA KUALA LUMPUR BAGI URUSAN KONTRAK
UNTUK TEMPOH 3 TAHUN
01 JANUARI 2024 SEHINGGA 31 DISEMBER 2026**

| BI L | NAMA PANEL SYARIKAT / BROKER | ALAMAT, NO. TELEFON & FAKS | PEGAWAI YANG BOLEH DIHUBUNGI |
|-----------------|--|--|--|
| 1 | SP&G Gallagher Insurance Brokers Sdn. Bhd. | 4th Floor, Menara Yayasan Tun Razak, No.200, Jln Bukit Bintang, 55100 Kuala Lumpur Tel : 03-2708 2200 | 1. Zamree bin Mohammad 012-295 5583 zamree@spggib.com.my 2. Saidu Mohamed bin Haniffa 016-285 5755 saidu@spggib.com.my 3. Noor Suraya binti Razali 012-586 4839 suraya@spggib.com.my |
| 2 | Tune Protect Malaysia (Tune Insurance Malaysia Berhad) | Level 9, Wisma Tune, No.19, Lorong Dungun, Damansara Heights, 50490, Kuala Lumpur Tel: 03-2087 9005/ 1800 885 753 Faks: 03-2094 1366 | 1. Hisham Bin Mohd Yunus 012-672814 hisham.mohdyunus@tuneprotect.com 2. Mohd Ridzuan Bin Zainun 013-3330227 mohdridzuan.zainun@tuneprotect.com 3. Amirah Binti Hamian 013-2826858 amirah.hamian@tuneprotect.com |
| 3 | Protac Insurance Brokers Sdn. Bhd. | Wisma Protac, Np.35, Jalan Mamanda 7, Ampang Point, 68000 Ampang, Selangor Tel: 03-4251 1635 | 1. Rizuan bin Othman 012-3388171 wan@protac.com.my 2. Amnah binti Daud 016-6560864 Amnah@protac.com.my |
| 4 | Tradewinds International Insurance Brokers Sdn. Bhd. | 37th Floor, Menara AIA Cap Square No.10, Jalan Munshi Abdullah 50100 Kuala Lumpur Tel: 03-2380 4800 Faks: 03-2697 9961 | 1. Aznan bin Peryatin 012-6199479 aznan@tradewindscorp-insbrok.com 2. Nabilah binti Baharuddin 017-2818770 nabilah@tradewindscorp-insbrok.com 3. Muhd Faiz bin Muhd Dali 0137281218 muhamadfaiz@tradewindscorp-insbrok.com |

**SYARAT-SYARAT ATAU TUGAS-TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PANEL SYARIKAT
INSURANS/ BROKER INSURANS / BROKER TAKAFUL
DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR BAGI URUSAN KONTRAK**

1. Memberi khidmat nasihat secara professional serta maklumat terkini kepada Datuk Bandar Kuala Lumpur terhadap polisi insuran serta perlindungan yang telah atau akan dan perlu diambil oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur.
2. Menguruskan segala Insurans yang patut diambil oleh kontraktor-kontraktor yang dilantik oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur bagi melindungi risiko-risiko 'Contractor's All Risk', risiko Tanggungan Awam 'Public Liability' dan Insurans Pampasan Pekerja bagi Perolehan Kerja, Perkhidmatan dan Bekalan.
3. Mengurus tuntutan yang diterima daripada pihak ketiga (awam) yang ada hubungkait dengan polisi yang diambil oleh kontraktor.
4. Mengkaji, menentu, mengesahkan dan bertanggungjawab bahawa setiap polisi yang diambil itu menjaga sepenuhnya kepentingan dan memberi perlindungan secukupnya kepada Datuk Bandar Kuala Lumpur. Syarikat Insurans / Broker Insurans / Broker Takaful yang dilantik hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya terhadap kerja-kerja yang dibuat dan syor-syor yang dikemukakan oleh mereka. Datuk Bandar Kuala Lumpur adalah sentiasa berhak untuk membatalkan perlantikan/ kontrak Panel Syarikat Insurans / Broker Insurans / Broker Takaful sekiranya prestasi syarikat tidak memuaskan.
5. Semua polisi Insuran termasuk 'Cover Notes' yang diambil bagi maksud sesuatu kontrak hendaklah dilampirkan dengan 'Surat Akuan' oleh Syarikat Insurans / Broker Insurans / Broker Takaful berkenaan yang mengesahkan bahawa semua polisi yang diambil telah disemak, teratur dan memberikan perlindungan secukupnya. Pihak Syarikat Insurans / Broker Insurans / Broker Takaful berkenaan juga hendaklah bertanggungjawab mengemukakan semua dokumen berhubung dengan Polisi Insurans tersebut secara terus kepada Datuk Bandar dan tidak melalui kontraktor yang menguruskan kontrak tersebut.
6. Polisi Insurans hendaklah diambil dan dikeluarkan oleh Panel Syarikat Insurans yang dilantik oleh pihak Datuk Bandar Kuala Lumpur untuk menguruskan polisi perlindungan.
7. Syarikat Insurans / Broker Insurans / Broker Takaful tidak berhak menuntut sebarang kerugian daripada Datuk Bandar Kuala Lumpur sekiranya kontraktor yang dilantik tidak membeli polisi melaluinya.
8. Datuk Bandar Kuala Lumpur akan memastikan bahawa kesemua polisi perlindungan yang diperlukan akan diuruskan melalui panel Syarikat Insurans / Broker Insurans / Broker Takaful yang dilantik, walaupun bagaimanapun pemohon dengan ini bersetuju bahawa tiada gantirugi akan dituntut atau apa-apa tindakan yang akan memudharatkan Datuk bandar Kuala Lumpur diambil jika Datuk Bandar Kuala Lumpur memungkir peruntukan ini.